

Waiting
me!....jap lagi
saya datang...

Lainlah Amazing
race di mana you
can learn from your
mistake.

Aku rasa Amazing
race lebih best
dari Explorace ni.

You semalam pi mana? i
waiting you so long man!

Kerek pulak i
just tegur je
pun...

Poyolah lu.
Apalah keluar
jalan pun nak
pakai baju
kurung.

What's a
big deal
brother?
saya tak
kacau orang
pun.

Aku rasa the
other team is
much better

Yang menang last
night tu lucky, So,
takde istimewa sangat
explorace ni.

At least
Amazing
race semua
sama rata,
cara dia
lebih
straight
to the
point.

GELOMBANG BAHARU BAHASA MELAYU PADA ABAD KE-21

TOPIK berkaitan dengan bahasa Melayu ternyata masih sangat perlu diperkatakan tanpa henti. Dalam pengertian lain, kita boleh kata topik ini belum ada kesudahan. Nuktahnya belum ada. Malah, topik ini masih perlu diteliti dan dihalusi demi kesinambungan, keutuhan dan kedaulatannya sebagai bahasa utama sebuah bangsa yang berdaulat dan merdeka.

MEMANG benar bahawa dari sudut kanun negara dan semangat nasional, kedudukan bahasa Melayu sudah terjamin. Dikatakan terjamin sebagai bahasa kebangsaan menerusi Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sejak negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Kualiti Bahasa Generasi Muda

Faktor kemajmukan kaum, agama dan budaya serta kemasukan bahasa asing, terutama bahasa Inggeris serta kepesatan teknologi komunikasi telah melahirkan media baharu dan media sosial, yang kini menjadikan kedudukan bahasa Melayu sangat terancam dari aspek penggunaannya. Hal ini sekali gus merencatkan kemampunan identiti nasional menerusi perantaraan bahasa. Yang lebih ketara dan patut dibimbangi ialah tahap kualiti, ketulenan dan kebakuan bahasa Melayu perlu diakui sebagai semakin tergugat pada abad ke-21, terutama membabitkan penutur bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda.

Foto: Kartunis Kazim

Hal ini ada kena-mengena dengan sikap dan pemikiran rakyat, terutama generasi muda. Sikap dan pemikiran generasi muda terhadap bahasa yang dipilih untuk digunakan, termasuklah menerusi media sosial dan pertuturan harian, banyak dipengaruhi oleh pertalian ciri sosial dan latar budaya bahasa seharian. Pokoknya sekarang ialah suka atau tidak suka, kita perlu mengakui bahasa Melayu mungkin akan lebih terancam pada masa-masa mendatang dan hal ini dapat dilihat seawal kemunculan abad ke-21, jika tiada usaha yang tegas dan lebih berkesan dilakukan untuk membendunginya.

Bahasa Rojak: Realiti Bahasa Melayu

Untuk melihat kebarangkalian ini, situasi semasa bahasa Melayu sangat perlu ditinjau dan diukur memabtkan penggunaannya dalam pelbagai sektor, termasuk awam, swasta, pendidikan dan sektor sosial itu sendiri. Antara situasi bahasa dan masalah berkaitan yang dapat ditela pada abad ke-21 ialah kelunturan kebakuan bahasa dan kepudaran rasa cinta dan bangga terhadap bahasa Melayu, terutama dalam kalangan generasi muda.

Soal kelunturan kebakuan bahasa dan kepudaran rasa cinta dan rasa bangga terhadap bahasa Melayu, terutama dalam kalangan generasi muda bukan rekaan dan bukan juga momokan atau tuduhan melulu. Perkara itu adalah realiti semasa bahasa Melayu dan akan kekal begitu, jika keadaan itu terus dibiarkan dan tidak dikawal secara bijaksana.

Natijahnya, amalan penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda pada abad ke-21 sudah tentu sangat mendukacitakan. Hal ini pernah diungkapkan oleh mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk A. Aziz Deraman sendiri menerusi makalah "Bahasa Melayu dan Cabaran Globalisasi" yang diterbitkan dalam majalah *Dewan Bahasa* pada Februari 2007. Antara lain, beliau mengungkapkan bahawa bahasa Melayu pernah menjadi agung



dalam sejarah peradaban bangsa, tetapi "maruah bahasa Melayu kini semakin dihenyak-henyak dari pelbagai penjuru". Menurut beliau, cabaran utama bahasa Melayu sebagai bahasa nasional adalah kerana "lemahnya sokongan, jagaan, kawalan, peneguhan dan penegasan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan". Demikian pendekatan secara berterus terang oleh mantan Ketua Pengarah DBP sendiri dalam usahanya membela maruah dan kejutan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Beliau menegaskan wujudnya "keserongan persepsi terhadap keperluan atau cara sesebuah negara memilih bahasa dan bahasa Inggeris dianggap mampu membawa kemajuan negara" telah memusnahkan kemajuan dan keupayaan bahasa kebangsaan.

Jika begitu penegasannya, terutama oleh seorang yang sangat berautoriti untuk bercakap tentang bahasa, mampukah lagi untuk kita menidakkan fakta bahawa kelunturan kebakuan bahasa dan kepudaran rasa cinta dan bangga terhadap bahasa Melayu, terutama dalam kalangan generasi muda pada masa ini dan abad mendatang memang satu realiti semasa, bukan rekaan dan bukan juga momokan atau tuduhan melulu. Mari kita perincikan lagi hakikat ini dengan melihat masalah berkenaan secara lebih dekat dan satu demi satu. Yang paling ketara ialah masalah bahasa rojak, terutama dalam

pertuturan tidak formal dan di laman sosial yang memabtkan percampuran penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris perlu dilihat secara lebih serius supaya bahasa kebangsaan dapat dimartabatkan pada kedudukan yang sewajarnya. Kalau pun tidak lebih buruk, nasib bahasa Melayu di laman sosial nampaknya kekal tidak berubah ke arah yang lebih baik. Dalam penulisan tidak formal di laman sosial, adunan kata dan frasa menjadi sangat tidak menepati aturan bahasa.

Sudah tentu hal ini sangat menjejaskan kebakuan bahasa dan kemurnian citra bangsa. Walaupun sesetengahnya beranggapan hal ini satu keunikan, masalah ini perlu ditangan dengan sebaiknya bagi memastikan generasi muda abad ke-21 mampu menggunakan bahasa Melayu berteraskan rasa cinta dan bangga terhadap bahasa sendiri. Ternyata, realiti sekarang yang membawa kepada apa-apa yang diistilahkan oleh Felo Utama Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong sebagai "fenomena percampuran kod" dalam kalangan masyarakat Malaysia, sangat mendukacitakan. Dalam tulisan beliau, "Ragam Bahasa dalam Komunikasi Elektronik" yang diterbitkan majalah *Pelita Bahasa* (2003), percampuran kod menjadi fenomena bahasa yang berleluasa pada ketika ini. Dibimbangi

inilah bahasa yang akan diwarisi dan diamankan oleh generasi muda pada abad ke-21.

Benar. Gejala rojak dalam bahasa adalah fenomena yang turut dialami oleh bahasa lain di dunia. Kewujudan bahasa rojak ini seperti yang dinyatakan oleh Marie-Laure Ryan menerusi tulisan beliau, "Immersion vs. Interactivity: Virtual Reality and Literary Theory" yang diterbitkan pada tahun 1999 bahawa penghasilan variasi bahasa yang tersendiri disebabkan oleh pengguna dunia siber yang gemar "menggunakan mod tulisan daripada mod lisan". Walau bagaimanapun, fenomena yang turut dialami oleh bahasa lain di dunia ini tidak harus dibiarkan menjejaskan bahasa Melayu tanpa kawalan yang berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa rojak dalam kalangan generasi muda pada masa ini seolah-olah menjadi sebahagian daripada "gaya hidup" kononnya untuk menunjukkan mereka menepati perkembangan semasa, manakala individu yang menggunakan bahasa Melayu baku dianggap sebagai "lurus" dan ketinggalan zaman.

Bagi mantan Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia, Tan Sri Dr. Rais Yatim, fenomena bahasa rojak banyak dicetuskan oleh sikap segelintir masyarakat yang tidak peka bahawa penggunaan bahasa baku kini kian terhakis dek penggunaan bahasa rojak. Fenomena yang beliau fikirkan sebagai "sekerat ular sekerat belut" ini boleh menyebabkan bahasa kebangsaan secara baku dan berdisiplin akan menjadi kian terancam apabila pertuturan seharian kini dicampuradukkan dengan unsur bahasa Inggeris, termasuklah dalam bentuk tulisan. Lebih buruk, selain medium media sosial, bahasa rojak akibat fenomena percampuran kod ini

seolah-olah sudah diterima baik oleh masyarakat serta menjadi amalan biasa dalam masyarakat.

Yang lebih buruk lagi apabila fenomena percampuran kod bahasa lisan dan bahasa penulisan kini berjangkit sewenang-wenangnya dalam bentuk penulisan karya kreatif Melayu kontemporari. Hal ini semakin banyak ditemukan dalam karya kreatif yang menggunakan bahasa percampuran kod atau bahasa rojak, konon untuk menggambarkan realiti semasa masyarakat Malaysia. Natiyahnya, karya kreatif Melayu kontemporari kini menjadi tidak standard. Penerbitan karya yang sedemikian rupa kini menjadi sejenis "rojak tidak berkuah".

Walaupun kewujudan bahasa rojak adalah sebahagian daripada fenomena sejagat dan turut dialami oleh bahasa lain di seluruh dunia, hal ini patut ditangani dengan sebaik-baiknya agar tidak menjadi penyebab utama rosaknya bahasa ibunda di tangan generasi yang rasa cinta dan bangganya terhadap bahasa sendiri semakin luntur dan pudar.

Sasterawan Negara, Datuk Dr. Anwar Ridhwan menyifatkan lambakan karya popular menggunakan bahasa rojak, termasuk bahasa yang diringkaskan ejaannya dan slanga adalah sangat buruk dan boleh menjejaskan kemurnian bahasa Melayu. Seperti yang dilaporkan oleh *Berita Harian* pada 7 Mac 2019, beliau



"Jika generasi muda tidak terbiasa dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul, hal itu akan terbawa-bawa dalam kehidupan mereka. Sedangkan mereka ialah pemimpin pada masa hadapan yang akan mengambil alih pentadbiran negara."

Datuk Dr. Anwar Ridhwan
Sasterawan Negara

melahirkan kebimbangan kerana penggunaan bahasa Melayu secara tidak tepat kini mendapat sambutan daripada generasi muda. Menurut beliau, generasi muda ialah golongan yang paling banyak membaca yang sekali gus menjadi penentu moral bangsa dan masa hadapan negara. "Jika generasi muda tidak terbiasa dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul, hal itu akan terbawa-bawa dalam

kehidupan mereka. Sedangkan mereka ialah pemimpin pada masa hadapan yang akan mengambil alih pentadbiran negara," demikian kata Sasterawan Negara ke-10 itu.

Tegas beliau lagi, fenomena penulisan dan penerbitan karya popular dengan merosakkan bahasa Melayu menggunakan bahasa rojak tidak sepatutnya berlaku kerana masih ada cara lain untuk

Kuasai bahasa ibunda

SAUDARA PENGARANG,

CELIK huruf (literasi) ditakrifkan sebagai kemampuan membaca dan menulis dalam bahasa. Literasi sering dilihat sebagai kognitif, satu set kemahiran tetap yang dinilai oleh sekolah melibatkan aktiviti intelektual (seperti berfikir, memikiran atau mengingat).

Kita adakalanya mengabaikan peranan latar belakang sosiobudaya pelajar yang boleh menjadi himpunan pengetahuan yang dapat digunakan oleh guru untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks Malaysia, integrasi literasi merupakan set kemahiran yang disarankan oleh ramal penyelidik dalam bidang pembangunan kurikulum bahasa untuk dikembangkan. Kanak-kanak pada usia muda dapat dengan mudah menguasai bahasa dengan mudah melalui lagu, kartun, filem, dan lain-lain.

restoran dan sumber lain. Pendidik perlu memanfaatkan pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman kanak-kanak tersebut dalam kehidupan seharian. Dalam kehidupan sebenar, kanak-kanak tidak terikat secara langsung atau mempunyai kaitan dengan bahasa terutama mempelajari sains dan matematik.

Oleh itu, mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mungkin tidak membantu kanak-kanak untuk berkembang dalam bahasa tersebut. Malah menggunakan bahasa Inggeris dalam sains dan matematik boleh merumitkan pemahaman kanak-kanak tentang mata pelajaran.

Tidak kira apa sahaja pelajaran yang ingin dipelajari, penggunaan bahasa sama ada Melayu, Inggeris, Cina, Tamil atau bahasa etnik lain, hendaknya ilmu bahasa diperkukuhkan melalui bahasa ibunda masing-masing terlebih dahulu.

Bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak...

bahasa yang sukar difahami oleh anak-anak, lebih parah istilah turut tidak difahami oleh mereka yang mengajar subjek tersebut.

Pendidikan di Malaysia banyak menggunakan teks negara luar. Jika buku teks dalam bahasa Melayu (jika diterjemah dengan betul), dihasilkan oleh orang Melayu sendiri, rasanya dunia pendidikan kita tidak akan menghadapi masalah.

Bagaimanapun usaha menghasilkan penulisan dan buku dalam bahasa Melayu menghadapi pelbagai masalah birokrasi dan campur tangan politik. Mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar pengistilahan negara juga agak sukar.

Persoalannya kini, apa yang anak-anak kita lakukan dengan bahasa Inggeris dalam kehidupan mereka? Hal ini perlu dipertimbangkan sebelum apa jua dasar berkaitan bahasa dilaksanakan.

AZIZI AHMAD

menerbitkan karya ringan yang sesuai untuk dibaca oleh remaja dengan menggunakan bahasa yang lebih tersusun dan betul, bukannya bahasa rojak. Bagi penulis, bahasa “ayam kacukan itik” ini tidak patut dibiarkan berterusan. Pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini perlu berbuat sesuatu. Jangan biarkan perkara ini berterusan dan membiarkan rakyat “berbuat sesuatu terhadap bahasa kebangsaan mengikut selera mereka sendiri”.

Selain di media sosial dan penerbitan karya popular dalam bahasa Melayu, penggunaan bahasa Inggeris pada tahap “berlebihan” di sektor tertentu seperti sektor pendidikan dan perniagaan, juga perlu diawasi. Hal ini disebabkan corak dan darjah penggunaannya di sektor terbabit turut menentukan corak penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda pada abad ke-21 di negara ini. Bukanlah bermaksud bahasa Inggeris itu tidak boleh digunakan langsung, tetapi haruslah “berpada-pada” dan menggunakannya mengikut tempat dan keadaan.

Apakah yang Patut Dilakukan?

Sebenarnya, masalah dan isu bahasa sangat menyangkut soal sikap dan mentaliti bangsa. Apabila rakyat berasa malu kerana tidak fasih bertutur dalam bahasa Inggeris, sebaliknya berasa tidak mengapa dan bukan sesuatu yang memalukan jika tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu, di situ ada kejanggalan dan berlaku sesuatu yang tidak kena dengan jati diri bangsa.

Hal ini sangat bahaya, terutama terhadap generasi muda pada abad ke-21 yang akan mewarisi negara ini. Mereka kelihatan sangat ketara mengalami hakisan rasa cinta dan bangga terhadap bahasa kebangsaan. Hal ini patut dibimbangi oleh semua pihak. Terhakisnya rasa cinta dan rasa bangga terhadap bahasa sendiri juga boleh menggugat tamadun bangsa. Bangsa yang maju di dunia dengan pencapaian yang tinggi dalam peradaban dan tamadun sangat menyanjungi dan menghormati bahasa sendiri. Lihat contoh bangsa Jepun. Kamal Shukri Abdullah Sani sebagaimana catatan beliau dalam buku *Bahasa Melayu, Apa Sudah Jadi?* mengingatkan bahawa bangsa Jepun tidak berganjak daripada menggunakan bahasanya sendiri dari peringkat tadika hingga pengajian tinggi dalam semua mata pelajaran walaupun mereka sudah mencapai kemajuan yang lebih tinggi daripada kebanyakan negara lain. Bahasa Inggeris hanya dipelajari mulai peringkat menengah, bukan peringkat rendah. Akan tetapi, martabat dan maruah bahasa Jepun tetap diutamakan dan dijunjung tinggi. Begitulah sikap rakyat Jepun. Bagaimana pula sikap rakyat negara kita terhadap bahasa kebangsaan?

Benarlah seperti kata pakar bahasa Melayu, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim dalam Siri Bicara Cendekiawan Mulia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 29 Julai 2019, “Identiti nasional perlu diperkasakan sejak kecil dan usaha ini mempunyai kaitan dengan rasa bangga dan cinta

terhadap bahasa kebangsaan dan negara ini. Kita berdepan dengan cabaran pemerksaan identiti nasional dalam era baharu Malaysia dalam abad ke-21 ini, termasuklah era globalisasi, era sains dan teknologi, meningkatkan perpaduan serta kepentingan bahasa Inggeris”.

Maka itu, sepatutnya semua lapisan rakyat Malaysia berasa bangga dengan pencapaian negara setakat ini, bukan berasa sangsi atau memandang rendah sehingga sanggup mengabaikan bahasa sendiri. Rasa cinta dan bangga yang ditunjukkan oleh rakyat Jepun, Korea dan China terhadap bahasa mereka sendiri patut dijadikan contoh oleh rakyat Malaysia. Sudah terbukti bahawa rasa cinta dan bangga terhadap bahasa sendiri bukan penghalang untuk mana-mana bangsa di dunia menjadi gergasi ekonomi dan kuasa besar dunia.

Sejujurnya penulis berasa bimbang dengan gaya dan bentuk penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda abad ke-21 yang kelihatan kucar-kacir dan tiada identiti. Maka itu, penulis menamatkan tulisan ini dengan meninggalkan satu persoalan mudah, iaitu jika bahasa Melayu semakin rosak di tanah tumpah darahnya sendiri, terutama dalam kalangan generasi muda, masih perlukah sekadar bujukan dan nasihat demi nasihat kepada golongan berkenaan agar mengutamakan bahasa Melayu dalam segala hal, atau kita perlu memantapkan dan menguatkuasakan kanun negara berkaitan dengan kedudukan bahasa Melayu? **PB**



“Identiti nasional perlu diperkasakan sejak kecil dan usaha ini mempunyai kaitan dengan rasa bangga dan cinta terhadap bahasa kebangsaan dan negara ini. Kita berdepan dengan cabaran pemerksaan identiti nasional dalam era baharu Malaysia dalam abad ke-21 ini, termasuklah era globalisasi, era sains dan teknologi, meningkatkan perpaduan serta kepentingan bahasa Inggeris.”

Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim
Pakar Bahasa Melayu